



Seminar Kebangsaan
Teknologi Maklumat
Di Perpustakaan
3 - 5 Ogos 2010



**Seminar Kebangsaan Teknologi Maklumat Di Perpustakaan
3 – 5 Ogos 2010 | Bayview Hotel, Pulau Pinang**

Anjuran Perpustakaan Sultanah Bahiyah, Universiti Utara Malaysia

Kertas Kerja Sisipan

**BERKARYA DI ALAM SIBER: JARINGAN ILMU TANPA SEMPADAN, TANPA
MENGIRA WAKTU, DAN TANPA MENGAMBIL KIRA SIAPA PENSIBER**

oleh

Azmi Rahman

<http://azmirahman.esasterawan.net>

Phat a/l Awang Deng

phat@uum.edu.my

Bahagian Bahasa Melayu
Kolej Sastera dan Sains
Universiti Utara Malaysia



BERKARYA DI ALAM SIBER: JARINGAN ILMU TANPA SEMPADAN, TANPA MENGIKIR WAKTU, DAN TANPA MENGAMBIL KIRA SIAPA PENSIBER

Abstract:

Kemunculan media baru, misalnya blog, SMS, YouTube, facebook, dan twitter dalam era teknologi dan globalisasi telah mengubah cara dan gaya berinteraksi, menyebarkan dan mewujudkan jaringan ilmu, serta melahirkan ramai pensiber. Selain itu, penciptaan komputer yang berinternet telah memunculkan eJurnal (<http://www.doaj.org/>) di <http://cmslib.uum.edu.my/psb/> eAkhbar, eMajalah, eBook (<http://en.wikipedia.org/wiki/E-book>) atau eBuku. Paparan dan penyebaran pelbagai ilmu dalam apa jua bahasa di maya ini melalui media elektronik begitu sibuk lalu lintasnya di lebuhraya siber; tidak terkecuali karya sastera yang dipaparkan dan dikomposisikan dalam satu-satunya majalah sastera elektronik berbahasa Melayu di dunia, iaitu eSastera.com (<http://esastera.com>) yang muncul sejak 2002 dengan nama asalnya CommunityZero (<http://communityzero.com>) yang diasaskan oleh Profesor Ir. Dr. Wan Abu Bakar Bin Wan Abas atau nama penanya Dr. Irwan. (<http://esasterawan.org/irwan>). Di ruang eSastera.com atau di eSasterawan.net, para pensiber (penulis/pengarang siber) berkarya; menulis entri di blog untuk bacaan khalayak siber, menulis karya kreatif; sajak, sajen (sajak jenaka), puisi Melayu tradisional, pantun, soneta, ulasan dan kritikan sastera, haiku dan tanka, cerpen, drama, novel, bicara karya sastera PMR dan SPM, madah serta berinteraksi di alam siber atas nama sastera, seni dan budaya Melayu. Pensiber memanfaatkan pelbagai ilmu dalam pelbagai disiplin; bahasa, politik, agama, dan ekonomi, sastera, untuk tujuan sama ada penyampaian dan perkongsian ilmu atau pernyataan fikir rasa pensiber terhadap sesuatu isu yang menyentuh manusia sejagat. Pensiber memanfaatkan teknologi yang sedia ada terutamanya internet, dan mengakses bahan-bahan dari laman blog, audio-video, imej, dan animasi, sekaligus diri pensiber berada dalam sebuah perpustakaan atau dunia siber ilmu. Justeru, kertas kerja ini menghuraikan manfaat oleh khalayak siber terhadap pelbagai fikir rasa pensiber dalam karya siber. Selain itu, aplikasi pelbagai unsur siber atau multimedia, dan taupan (link) ilmu ke laman blog di luar karya.

Pengenalan

Kertas ini memberi tumpuan kepada pengalaman penulis sebagai pensiber (pengarang/ penulis) karya kreatif di majalah elektronik eSastera.com dan penghasilan entri di blog eSasterawan.net (<http://azmirahman.esasterawan.net>), dan eSasterawan.org (<http://esasterawan.org/azmirahman>). Selain itu, karya-karya kreatif dari genre sajak siber hasil karya penyajak siber lain di eSastera.com akan diteliti. Penelitian karya di laman siber terutamanya di eSastera.com akan diberi tumpuan kepada paparan unsur kesiberan pada karya yang diakses atau digubah daripada laman-laman web yang lain atau bersumberkan data atau maklumat daripada perpustakaan maya atau siber. Segala penciptaan karya adalah secara online. Sebelum atau selepas teks aksara dihasilkan dan dipaparkan di skrin komputer, pensiber akan merayau-rayau dan kenal pasti maklumat, imej, audio, video, animasi, warna dan pelbagai aksara yang sesuai untuk sesebuah karya. Paparan karya yang ada unsur-unsur kesiberan akan memberi kesan terhadap teks, dan dapat menarik minat khalayak siber membaca dan menghayati sesebuah karya terutamanya karya kreatif.

Makna Karya dan Sastera Siber

Dalam bidang kesusasteraan, terdapat tiga sumber karya; iaitu lisan, bercetak dan elektronik atau siber. Tradisi lisan, misalnya dalam masyarakat Melayu masih disebarkan pantun, peribahasa dan mantera. Kemudian dari tradisi lisan, para pengkaji membukukan pantun dan peribahasa Melayu untuk tatapan dan kajian seterusnya; misalnya *Kumpulan Pantun Melayu* (Zainal Abidin Bakar, 1985), *Kurik Kundi Merah Saga* (1992), dan *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu* (Abdullah Husin, 1982). Namun begitu, ada juga pantun dan peribahasa Melayu yang dipaparkan dalam bentuk elektronik; misalnya laman web <http://malaycivilization.com> yang memuatkan banyak maklumat berkenaan dunia Melayu dan karya sastera; pantun, dan peribahasa Melayu.



Dalam maksud karya sastera siber, meskipun entri istilah ini belum dimasukkan dalam mana-mana kamus Bahasa Melayu (*Kamus Dewan* edisi keempat, 2005), khalayak siber di *eSastera.com* telah member input dan respons terhadap istilah ini dalam suatu forum bertajuk ‘Apa yang anda faham tentang sastera siber?’ telah dilontarkan oleh Dahrie di ruangan Forum, *eSastera.com* (<http://esastera.com>) pada 20 April 2008. Sebelum itu, topik “Kenapa anda berkarya di alam siber?” telah dilontarkan oleh Dr. Irwan pada 17 April 2008. Berdasarkan input dan respons khalayak siber, dapatlah dirungkaikan pelbagai makna sastera siber.

Dahrie membuka topik “Apa yang anda faham tentang sastera siber?” Soalan ini terbuka untuk khalayak siber memberikan pendapatnya. Suatu konsep sastera siber dalam konteks Malaysia atau bersifat tempatan belum dirumuskan secara konkrit. Khalayak siber di *eSastera.com* diharapkan dapat berinteraksi melontarkan idea tentang makna konsep sastera siber. Jika diteliti mesej perbincangan tentang makna sastera siber, dapatlah kita jadikan panduan dalam memberi makna konsep karya dan sastera siber yang masih baharu di Malaysia.

Bagi Teratakerapung sastera siber adalah tulisan atau bahasa dalam bentuk puisi atau prosa. Karya siber mempunyai ciri-ciri istimewa yang berkait rapat dengan komputer, dan karya siber dihasilkan di laman web, blog, dan internet. Karya siber pula adalah gabungan seni sastera, visual, muzik, grafik, audio dan persembahan. Selain itu, karya siber dihasilkan untuk tatapan khalayak/ umum. Nanaq hanya menambah dengan menyatakan bahawa sastera siber adalah “suatu yang indah dan mudah untuk dibaca...” Jelita_anis menyatakan bahawa sastera siber adalah sastera yang bebas dari segi ruang berkarya dan pengkarya sendiri. Begitu juga pendapat Lizat Yob, sependapat dengan Jelita_anis yang melihat sastera siber sebagai sastera yang mudah dan adunan pelbagai teknologi komputer. Pendapat ini ada persamaan dengan pendapat Ramy – sastera siber menggunakan internet, bersifat multimedia, interaktif dan tiada had ruang siarannya di komputer.

Kingbinjai bersetuju dengan pendapat penulis siber lain. Namun, beliau lebih menyatakan bahawa unsur-unsur multimedia dalam karya siber yang interaktif yang diambil daripada internet sekadar bonus dan bercirikan siber. Namun, pada pandangan Dahrie, sastera interaktif berbeza dengan sastera siber. Sastera siber lebih menyerlah ciri-ciri siber/ kesiberannya. Isu sastera interaktif ditimbulkan oleh Dingin dengan menyatakan bahawa sastera siber adalah karya sastera yang disiarkan/ diterbitkan di internet. Pada pandangan Dingin, sastera yang menampilkan unsur-unsur multimedia lebih sesuai dinamakan sastera interaktif.

Brirasa melontarkan pandangannya bahawa karya sastera siber adalah karya yang disiarkan di medium siber; blog atau laman web. Unsur multimedia hanyalah alatan bantu untuk memesrakan khalayak pembaca membaca karya. Zaidinabadi kelihatan sependapat dengan Brirasa. Yang berbezanya adalah Zaidinabadi melihat karya siber kepada nilai estetik yang tinggi, dan bukanlah sekadar lontaran kata yang tidak bernilai sastera. Persoalan nilai estetik karya sastera adalah subjektif. Nilai estetik karya sastera adalah di tangan penulis siber dan dinilai pula oleh khalayak siber sama ada secara spontan atau mendalam dengan penuh makna.

Pengasas *eSastera.com*, Dr.irwan secara berjenaka menyatakan bahawa “karya siber adalah dinamik....Pada amnya, boleh diedit mahupun dipadam oleh penulisnya. Dalam hal tertentu penulisnya pun boleh padam...” Karya sastera siber kelihatan hidup dan bernyawa dengan pelbagai unsur multimedia yang dimasukkan pada karya untuk khalayak siber menikmatinya.

Manakala pandangan MN Iskandar lebih melihat sastera siber sebagai wahana *mobile* yang ruang keahliannya melangkaui sempadan geografi, agama, bangsa dan negara. Karya sastera siber boleh diakses di mana-mana dan pada bila-bila masa. Hal yang menarik berkaitan dengan sastera siber adalah wujud komunikasi dua hala yang begitu interaktif dan pantas serta suatu wahana yang paling murah publisiti dan penerbitannya.



Berdasarkan pandangan khlayak siber dapatlah dirumuskan bahawa sastera siber adalah sastera yang diterbitkan di internet, bersifat interaktif, berunsurkan multimedia dan kesiberan, sastera dinamik, sastera komunikatif di alam siber, dan bernilai adunan estetik diksi dan unsur multimedia.

Mengapa Berkarya Di Alam Siber?

Topik yang dilontarkan oleh Drirwan (17 April 2008 di <http://esastera.com>) hanya difahami oleh penulis sastera siber. Penulis di media cetak atau konvensional ada sebab tersendiri berkarya, misalnya untuk material, kepuasan diri atau mencipta nama dalam arena penulisan kreatif.

Topik yang dilontarkan oleh Dahrie tentang konsep sastera siber ada kaitan dengan persoalan tentang makna sastera siber. Berdasarkan pandangan dan komen Dahrie, Hasimah, Aliffmustakim, Tintasukma, Amohdfahmi, Jebatsari, Bukunota, Inarmarjanaulfah, Mokhtar Sah Malik, Kalamutiara, Aziz Zabidi, Ilhami, KaleMas, Ramy, Ahmad Aspari, Zaidinabadi, Airmas_sz, Anbakri, Rimanilzah, Aiza Zizan, Ayu Jamilah, Saringsirat, Abdulhalim, Brirasa, dan Thoyaba Mursyidah, saya bantah sebab mereka berkarya di alam siber.

Dahrie berpandangan bahawa media siber sudah dipandang tinggi berbanding dengan media cetak. Pandangan khlayak sudah berubah kerana media siber lebih bersifat interaktif dan komunikatif. Selain itu, soal kualiti karya adalah soal kematangan proses yang dilalui oleh penulis secara pantas dan keyakinan diri berkarya di alam siber adalah terletak pada diri penulis. Hal yang sama juga disentuh oleh Aliffmustakim, Ayu Jamilah, Thoyba Mursyidah, dan Aiza Zizan dengan tambahan bahawa menulis di alam siber bertujuan mencari pengalaman dan bantu-membantu meningkatkan mutu karya penulis siber. Pandangan ini dikongsi bersama oleh Mokhtar Sah Malik dan Brirasa. Penulis siber boleh mencipta nama dan menghasilkan karya bermutu di helaihan siber.

Selain itu seperti yang dilontarkan oleh Hasimah adalah soal minat, kepuasan diri dan memanfaatkan teknologi terkini demi perkembangan diri dalam arena penulisan. Zaidinabadi mengutip pandangan Drirwan pada forum "Sastera Siber: Virus Dalam Sastera Nasional? ... mana satu yang lebih puas, namanya tersiar dalam media cetak atau di dalam esastera?" (<http://azmirahman.esasterawan.net>). Selain sependapat dengan Hasimah tentang memanfaatkan teknologi, Zaidinabadi menjurus pandangannya terhadap hal memartabatkan bahasa Melayu melalui *eSastera.com*.

Sasterawan Alam Siber (SAS) kedua, Kalamutiara turut berpendapat bahawa soal teknologi dan infrastruktur penerbitan karya adalah pilihan penulis siber. Seperti dilontarkan oleh Aziz Zabidi, "...saya kembali ke bilik menghadap skrin dan menaip aksara www.esastera.com..." Jebatsari juga menyentuh hal rasa bebas berkarya di alam siber, rasa puas dan bukanlah bayaran karya dituntut oleh penulis. Pandangan Jebatsari tidak dipersetujui oleh Saringsirat. Penulis hendaklah memikirkan wang atau bayaran bagi setiap karya yang diterbitkan.

Amohdfahmi lebih yakin berkarya di media siber dengan khlayak siber yang sudah cukup ramai. Beliau menyatakan seperti yang diungkapkan oleh Dahrie bahawa sastera siber bersifat interaktif. Persepsi khlayak terhadap karya sastera adalah berbeza. Itu hak mereka dalam hal menilai tahap kualiti karya siber atau cetakan. Hal mutu karya siber ditimbulkan juga oleh Abdulhalim. Beliau bimbang nilai komersil akan melunturkan nilai estetik karya sastera terutamanya yang terbit di media cetak. Beliau juga melahirkan rasa bimbang terhadap nilai atau mutu karya siber yang bebas diterbitkan oleh pengkarya atau penulis sendiri.

Manakala Ilhami dan Ahmad Aspari sependapat dalam hal karya siber pantas mendapat respons khlayak. Komen pantas yang diberikan dapat dimanfaatkan terus oleh penulis atau khlayak siber lain. Namun dengan tegas dan beranalogi Sasterawan Alam Siber (SAS) yang pertama, Anbakri pula menyatakan bahawa "Saya adalah penyair alam siber sepenuh masa....orang yang siniskan maya sebagai gelanggang, dan dia masih muda. Maka bersedialah untuk ditinggalkan dalam perahu kolek; teroleng-oleng dalam dunia binaan sendiri yang semakin kesepian. Lazimnya, bot laju kesempatan masa untuk menunggu perahu layar."



Teks Karya dan Unsur Kesiberan

Teks karya adalah hasil pensiber sama ada penyajak atau pemantun atau pemadah atau blogger (penulis blog). Teks karya terhasil daripada renungan dan pemikiran pensiber terhadap apa yang berlaku di sekelilingnya. Pelbagai isu semasa yang menjadi wacana karya pensiber yang dipaparkan di skrin komputer. Idea dan pemikiran untuk karya, pensiber perolehi atau terkesan daripada pembacaan sama ada sumber bercetak atau elektronik yang lebih luas ruangnya dan boleh dicapai pada bila-bila masa, serta di ruang mana jua pun, misalnya <http://beritaharian.online> dan <http://utusanmalaysia.online>.

Teks karya yang terhasil melalui proses kreatif biasa; ditulis di atas kertas (karya sastera kertas) atau dari idea terus ke skrin komputer dengan melalui penelitian yang lama maklumat dalam bentuk siber yang dapat dicapai dengan pantas. Kemudian karya sastera, misalnya sajak siber dihasilkan, dan digubah dengan memasukkan unsur kesiberan yang bersesuaian dan bermakna bagi teks karya. Tanpa unsur kesiberan, sesebuah karya yang dipaparkan, kelihatan tidak menarik dan tiada beza dengan karya sastera kertas yang dicetak; hanya berhuruf hitam dan putih. Karya siber yang menarik dan berkesan biasa dipaparkan dengan aksara yang pelbagai saiz, berwarna, latar karya berwarna warni, ada audio-video, imej dan animasi yang bersesuaian dengan isi teks.

Dalam penghasilan dan pengubahan sesebuah karya sastera siber, segala bahan siber boleh diakses dengan pantas daripada perpustakaan siber yang boleh di'google'kan (<http://www.google.com>) apa jua bahan yang diperlukan bagi sesebuah karya; web, imej, peta, berita, buku, terjemahan, mel, blog, dan kertas ilmiah (scholar). Setelah karya digubah dengan memasukkan unsur siber yang sesuai, karya dihantar ke ruang atau komuniti berkenaan di *eSastera.com* untuk tatapan khalayak siber di mayapada ini. Karya yang dipaparkan di skrin komputer akan mendapat respons pantas daripada khalayak siber; respons mesej, paparan imej, audio-video dan penggunaan bahasa dalam karya. Respons khalayak siber akan mendapat respons pula oleh pensiber.

Dalam *eSastera.com* (<http://esastera.com>), dapat kita perhati teks karya yang dipaparkan bersama dengan unsur kesiberan. Madah yang bertajuk "Bertopeng" (13 Julai 2010), /Janganlah Bila Datang Nampak Muka, Dan Bila Pergi Muka Bertopeng/, latar biru dan imej topeng beranimasi diletakkan di atas madah tersebut. Madah "Bercermin" (25 Jun 2010), /Setelah Bercermin Di Air Jernih, Janganlah Pula bercermin Di Air Keruh" memaparkan imej tasik berair jernih kebiruan dan sungai yang berair keruh – kelihatan kontradiksi. Madah "Akar" (25 Jun 2010), /Akar Reput Akan Menumbangkan Pohon" memaparkan imej akar yang reput dan pohon tumbang. (<http://esastera.com/madah>). Jika kita beralih ke karya soneta (<http://esastera.com/soneta>), kelihatan soneta yang ada paparan imej, animasi, tautan web, audio dan video. Sebagai contoh "Soneta 13: Sendrian Dalam Penantian" karya AzmiRahman (6 Julai 2010), terdapat imej beranimasi seekor semut di depan pohon tumbuh, imej beranimasi mulut, kalimah ALLAH, dan sir sungai yang jernih bergerak-gerak pada waktu malam – kelihatan hening. Soneta gubahan MokhtarAhman "Bahasa Adat" ada paparan warna hijau, huruf Jawi, dan imej tepak sirih serta imej klasik budak Melayu, petani dan suasana kampung Melayu yang dimuat turun dari YouTube. Imej-imej ini bersesuaian dengan mesej dalam soneta "Bahasa Adat." (<http://esastera.com/soneta/ulasan>).

Genre pantun (<http://esastera.com/pantun>) juga bukan sekadar teks yang kaku, malahan dipaparkan imej statik dan imej beranimasi yang sesuai dengan mesej dalam pantun. Kita teliti pantun berjudul "Pantun Merehatkan Diri" (29 Jun 2010, 9.40 malam), ada lima imej yang dipaparkan; imej dua kerusi kosong di tepi pantai waktu senja, otak, imej kartun berserabut, seorang sedang berehat atas buaian, dan kartun yang tertera /Kerja Berat, Gaji Ringan/. Mesej pantun ini adalah betapa perlunya otak kita berehat setelah penat bekerja. "Pantun Peribahasa (3)" (30 Jun 2010, 11.56 malam) yang terbina oleh tujuh rangkap memaparkan empat imej beranimasi; 3 kartun sedang berlari, genggam tangan, dua hati berkelip-kelip dan seekor ayam menggerekkkan kaki kanannya seolah-olah gembira. Manakala "Pantun Peribahasa (2)" (19 Jun 2010, 12.37 pagi), binaannya tujuh rangkap berdasarkan tujuh peribahasa; akal panjang, anak dagang, atas pagar, ayat Allah, bangkai bernyawa, banyak mulut, dan berbulan madu. Manakala imej yang dipaparkan adalah otak kiri dan kanan, kalimah Allah, tulisan bangkai bernyawa, bibir merah dan dua kerusi kosong di tepi pantai. Imej-imej ini ada kaitan dengan makna simpulan bahasa yang dipaparkan itu.



Genre sajak di komuniti penyair (<http://esastera.com/penyair>) sebagai komuniti yang paling popular kerana jumlah karya yang telah dipaparkan sejak 2005 adalah melebihi 13000 buah dalam lebih 900 halaman siber. Jika teliti sajak siber pertama di eSastera.com, berjudul “Selamat Pagi, Malam” karya Dr.Irwan (8 Mac 2003, diterbitkan semula pada 13 Julai 2010) ada iringan muzik instrumental ‘Rainy Night’ dengan latar sajak berwarna hitam, huruf pula kuning. Sajak terawal yang diterbitkan pada 2005, di *eSastera.com* berjudul “Aku dan Cinta” karya Nimoizty (22 Mac 2005, 11.48 pagi), dapatlah dikatakan sebagai sebuah sajak siber tulen. Sajak ini memaparkan pelbagai saiz huruf, dan pelbagai warna. Frasa /Aku dan Cinta/ pula bergerak-gerak dari kanan ke kiri, dan ada pula imej animasi bulan berwarna emas dan rumah di tepi pantai. Manakala sajak “Gegar Gempa, Derita Duga, Luka Laknat” (20 Oktober 2009, 11.33 malam), karya Dr.Irwan mengungkapkan persoalan bencana gempa bumi yang menimpa Padang di Sumatera. Sajak ini berlatar hitam. Bila di ‘highlight’ kan muncul baris-baris sajak. Bila diklik, aksara akan hilang, dan berbunyi deruman angin. Bunyi deruman angin itu menyeramkan. Ada juga penyajak yang memvideokan sajaknya; misalnya sajak N Faizal “Kau Berdendangan Kata” (17 Oktober 2009, 5.38 petang). Sajak versi video ini dimuat dalam YouTube, dan boleh dimainkan berulang kali, dan di mana jua khalayak berada. Berbeza dengan sajak siber “Perasaan Itu” karya Atui Dtabasan (3 Januari 2009, 7.46 malam), dipaparkan versi video deklamasi sajak tersebut oleh penyajak sendiri. Sajak-sajak lain yang ada paparan imej statik atau beranimasi serta ditautkan ke laman web lain, dapat diperhati; misalnya sajak “Perkahwinan Kata-kata” karya AzmiRahman (6 Jun 2010, 8.13 malam), memaparkan animasi buku dan pen, awan yang bergelak, ombak bergulung, dan otak yang berdenyut-denyut, selain itu ada imej statik pisau tertusuk ke hati. Manakala sajak “Munajat Pohon” (26 Jun 2010, jam 12.22 pagi) karya AzmiRahman memaparkan imej pohon berkepala manusia, dan imej beranimasi hujan turun di rimba. Selain itu, kata /kemarau/, /akar/ dan frasa /daunan pada ranting telah kering/ pula ditautkan ke imej berkenaan. (<http://esastera.com/penyair>).

Begitu juga entri blog, turut memanfaatkan unsur kesiberan supaya kelihatan lebih menarik dengan pelbagai variasi warna, imej, animasi dan tautan web. Sebagai contoh, entri bertajuk “Bola o Bola” (19 Jun 2010, 10.48 malam), menyatakan tentang perlawanan bola sepak dunia 2010 di Afrika Selatan. Yang disentuh bukan sekadar perlawanan bola sepak, malahan aktiviti perjudian yang berleluasa secara haram memunculkan Gerakan Anti Judi (GAJ). Membaca entri ini, khalayak akan dapat membaca maklumat tambahan yang ditautkan ke imej bola dan wang, dan Afrika Selatan ke http://en.wikipedia/wiki/South_Africa).

Blog bukanlah sebagai blog sahaja yang diisi dengan entri semasa yang silih berganti. Blog dimanfaatkan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran; memaparkan nota kuliah, tugas, mendapatkan respons khalayak terhadap makalah dan entri yang dipaparkan serta penyiaran karya dan kajian ilmiah dan kreatif. Dari blog, khalayak boleh ke blog yang lain atau ke perpustakaan siber untuk mengakses pelbagai maklumat dan berinteraksi. (lihat <http://azmirahman.esasterawan.net>).

Rumusan

Berkarya di alam siber dengan bantuan teknologi komputer, menarik untuk dibicarakan dengan lebih mendalam. Hal-hal proses penciptaan dan pengubahan karya di majalah elektronik dan blog, boleh dikaji secara ilmiah. Proses kreatif di alam siber amat berbeza daripada alam realiti atau alam karya kertas terutamanya karya sastera. Teks karya sastera bukan hanya teks yang hitam dan putih, namun teks karya diberi input siber yang dapat memberi sentuhan estetik kepada khalayak siber. Input siber; misalnya imej, audio-video, warna, huruf, dan animasi dapat diakses dengan pantas dari perpustakaan siber; di mana jua mayapada ini, tanpa mengira masa berkarya dan membuka helaian siber, member respons, serta pensiber pula tidak mengetahui dengan jelas khalayak siber yang membaca karyanya.



Rujukan

<http://google.com>

<http://esastera.com>

<http://azmirahman.esasterawan.net>

<http://eliterature.org>

<http://www.diglib.um.my/umtheses>


<http://malaycivilization.com>

Sastera.Net edisi 1 hingga 9

Irwan Abu Bakar & Hasimah Harun. (2008). *Berkarya di alam siber*. Kuala Lumpur: Esastera Enterprise.

LAMPIRAN CONTOH KARYA SIBER

azmi rahman	
	weblog • 158
Laman utama	PERKAHWINAN KATA-KATA • 7/6/2010 8:17:55 PM [1]
Maklumat peribadi	SONETA 12: BERBISIK KEPADA KEKASIH • 6/30/2010 5:50:26 PM [0]
Weblog	MUNAJAT POHON • 6/26/2010 12:33:41 AM [1]
Karya	SELAMAT HARI BAPA 2010 • 6/21/2010 1:23:38 AM [1]
Foto	BOLA 0 BOLA DAN TERJAWAB TEKA-TEKI • 6/19/2010 10:48:36 PM [3]
Maklumat sisi	DOA • 6/10/2010 9:04:25 PM [3]
Promosi	TERKESAN MISI KEMANUSIAAN DALAM SAJAK • 6/3/2010 3:56:54 PM [2]
Papan nota	SAJAK KECIL 3 BARIS UCAP • 5/26/2010 10:52:39 PM [2]
info	CINTA • 5/19/2010 12:41:08 PM [3]
Nama penuh	SELAMAT HARI GURU, CIKGU! • 5/12/2010 8:27:37 PM [2]
Mohamad Azmi Ab. Rahman	MENCARI KEADILAN & SELAMAT HARI IBU • 5/7/2010 10:24:44 PM [2]
Email	POLITIK, DAN DERA 1MALAYSIA • 4/20/2010 8:41:00 PM [3]
azmi214@uum.edu.my	TRAGEDI PILATUS PC 7, DAN KONVO UUM KE-23 • 3/28/2010 11:08:44 PM [2]
Laman web lain	BERARAK ... DAN PRAKTIK AMALAN NABI MUHAMMAD SAW • 3/3/2010 6:54:42 PM [4]
http://azmirahman.esasterawan.net	RUMAH ANAK LUAR NIKAH & PRODUK AMERIKA • 2/22/2010 3:28:09 PM [7]
Laman web kegemaran	BERSEMBANG-SEMBANG DENGAN ORANG TUA • 2/21/2010 9:15:56 AM [5]
<ul style="list-style-type: none"> • AKHBAR SINTOK ONLINE • AZIZI HAJI ABDULLAH • EBIET G. ADE • UNIVERSITIKU • SASTERA SIBER/ eSASTERA.COM • SASTERAWAN NEGARA • DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA (DBP) 	



- BRIRASA BUDAYA CINA, BUDAYA MELAYU • 2/17/2010 11:47:23 AM [1]
- POETRY FOUNDATION MENUDING DIRI SENDIRI • 2/11/2010 2:44:06 PM [4]
- HASAN ASPAHANI HADIAH HARI JADI UNTUK DIRI SENDIRI • 2/3/2010 6:48:52 PM [10]
- ILMU MENGARANG CATATAN DARI KOTA BHARU (2) • 1/27/2010 3:27:08 PM [11]
- JURNAL ANALISIS WACANA CATATAN DARI KOTA BHARU • 1/11/2010 5:03:13 PM [9]
- ELECTRONIC LITERATURE ORGANIZATION CATATAN 1 JANUARI 2010 • 1/2/2010 12:23:32 AM [7]
- AZMIRAHMAN PujanggaSiber 4 CATATAN HUJUNG DISEMBER 2009 • 12/29/2009 10:17:03 AM [3]
- RAHIMIDIN ZAHARI AWAL MUHARRAM: ...SEMANGAT PENUH KEISLAMAN. • 12/16/2009 4:59:16 PM [6]
- PAK SAKO HESCOM 2009 DI KOTA BHARU SUDAH BERLALU... • 12/15/2009 2:13:16 PM [4]
- AZMAH NORDIN HADIAH E-SASTERA. COM 2009 (HESCOM 2009) • 12/10/2009 2:52:41 PM [1]
- PENGORBANAN • 11/26/2009 1:23:32 PM [1]
- CATATAN TENTANG ORANG LAIN, BERSYUKURLAH KITA... • 11/20/2009 10:58:59 PM [3]
- MENGENALI DIRI SENDIRI • 11/2/2009 1:17:29 PM [9]
- MENJADI INSAN CEMERLANG DAN BIJAKSANA • 10/29/2009 11:26:20 AM [12]
- PANDANGLAH DAN HAYATILAH DIRI • 10/28/2009 11:56:09 AM [3]
- MENGHAYATI KREATIVITI PELAJAR DI SKRIN • 10/21/2009 11:08:58 PM [8]
- WACANA ILMU DI SINTOK • 10/19/2009 1:06:03 PM [7]
- SOLAT DAN KAJIAN SAINTIFIK • 10/14/2009 2:38:54 PM [9]
- DUNIA PENULISAN DAN PENCARIAN ILMU • 10/6/2009 11:55:18 AM [12]
- SELAMAT DATANG SANG PEMBURU ILMU • 10/1/2009 3:12:42 PM [8]
- SALAM PASCA-AIDILFITRI • 9/30/2009 3:39:37 PM [6]
- MESEJ HARI RAYA AIDILFITRI 1430 • 9/17/2009 12:26:44 PM [13]
- MESEJ LAGU HARI RAYA • 9/13/2009 10:17:00 PM [16]
- MENUNGGU HADIRNYA LAILATULQADAR •



9/12/2009 10:26:06 PM [15]

CERITA DI ATAS JALAN RAYA & KONFLIK KL-JAKARTA

• 9/10/2009 2:24:45 PM [14]

RAMADAN & PERJUANGAN • 9/7/2009 2:09:17 PM
[19]

DI AMBANG AIDILFITRI DAN KONTRADIKSI • 9/1/2009
10:52:06 PM [36]

52 TAHUN MERDEKA? • 8/30/2009 10:29:30 AM [36]

RAMADAN, KEBERKATAN DAN KONTRADIKSI •
8/27/2009 1:58:04 PM [13]

CATATAN DI KOTA BHARU, KELANTAN • 8/23/2009
9:40:02 AM [15]

BERSEMINARLAH KITA ATAS NAMA ILMU •
8/19/2009 12:04:02 PM [19]

MENYAPA DENGAN '... SURAT DARI TUHAN' •
8/18/2009 12:16:55 PM [18]

H1N1 : WABAK MEREBAK... • 8/16/2009 3:23:31 PM
[25]

MEMBUAT KEPUTUSAN... • 8/10/2009 9:51:23 PM
[31]

GULA OH GULA... • 8/9/2009 12:28:31 AM [23]

MEMIKIRKAN TENTANG KAWAN, TEMAN, DAN
SAHABAT • 8/5/2009 4:17:46 PM [23]

SETIAP HARI DIRI MENJADI PAHLAWAN' • 8/2/2009
9:55:53 AM [21]

MEMIKIRKAN TENTANG BUAH DURIAN • 7/28/2009
2:50:25 PM [28]

MEMPERKASAKAN BAHASA MELAYU • 7/21/2009
4:38:52 PM [16]

DASAR MBMMBI • 7/15/2009 9:49:39 AM [29]

PPSMI DIMANSUHKAN: SUATU KEMENANGAN? •
7/8/2009 11:44:39 PM [21]

1 MALAYSIA = SATU MALAYSIA: SUATU TAFSIRAN •
7/5/2009 9:24:27 AM [15]

BERMULALAH DETIK PERJALANAN BARU... •
6/28/2009 3:04:06 PM [13]


MENGAJAR PELAJAR BERPENGALAMAN... •
6/24/2009 1:37:10 PM [16]

IDEA KREATIF & KUALITI (Q) • 6/22/2009 2:18:41 PM
[4]

SALAM KELANTAN 3 • 6/14/2009 1:36:43 PM [19]

CERITA YANG TIADA KESUDAHANNYA • 6/9/2009
1:02:04 PM [8]

MELANGGAR PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG •



5/28/2009 12:01:16 PM [12]

BERSYUKUR DIA MASIH MEMBERI PINJAM... •

5/19/2009 5:51:00 PM [12]

ILMU DAN GURU • 5/16/2009 11:40:57 AM [15]

SOAL KEBENARAN & BAHASA MELAYU • 5/12/2009
1:24:01 PM [3]

PANTUN BUAT IBU TERSAYANG • 5/10/2009 12:27:17
PM [8]

GURINDAM BUAT IBU TERSAYANG • 5/7/2009
2:38:29 PM [11]

INILAH MODEL KEPIMPINAN KITA... • 4/29/2009
5:46:15 PM [4]

NOSTALGIA DAN KECEMERLANGAN ORANG LAIN... •
4/19/2009 1:20:42 PM [14]

MINSAS 5 : ADA APA PADA MANTERA? • 4/5/2009
1:25:33 PM [56]

MINSAS 4: SYAIR PUN BEGITU.... • 3/30/2009
11:59:50 AM [56]

MINSAS 3 : APA ADA PADA PANTUN MELAYU? •
3/25/2009 12:40:41 PM [50]

MINSAS 2 : HALA TUJU DAN MASA DEPAN SASTERA
MELAYU • 3/22/2009 12:15:04 PM [52]

MINSAS 1 : ADA APA PADA KARYA SASTERA? •
3/15/2009 10:41:26 AM [62]

CATATAN PADA 12 RABIULAWAL 1430 HIJRAH •
3/10/2009 12:42:59 PM [13]

KERANDA 152 PADA 7 MAC 2009 • 3/8/2009
12:00:40 PM [18]

JALAN JALAN, MAKAN MAKAN... • 3/3/2009 12:34:22
PM [22]

SETIAP KALI BERSEMBAHYANG JUMAAT • 3/1/2009
2:37:32 PM [19]

SALAM KELANTAN (2) • 2/19/2009 12:51:36 PM [25]

BERFIKIRAN DAN MENGHARGAI KASIH SAYANG •
2/2/2009 3:37:33 PM [34]

BOIKOT PRODUK ISRAEL.. • 1/28/2009 12:11:38 PM
[18]

SUARA KEMANUSIAAN SEJAGAT • 1/18/2009
10:34:28 AM [22]

ANTIKEZALIMAN, ANTIPERANG... • 1/12/2009 4:43:53
PM [7]

JOM KITA BERSYAIR • 1/9/2009 11:06:04 AM [5]

AMANAT TAHUN BARU UUM 2009. • 1/4/2009
9:47:10 AM [12]



JOM KITA BERPANTUN • 12/28/2008 12:15:10 PM [21]

ISU PPSMI • 12/22/2008 2:15:30 PM [10]

SALAM KELANTAN/ KOTA BHARU • 12/17/2008 3:31:03 PM [10]

SELEPAS 1 NOVEMBER 2008... • 11/26/2008 4:01:57 PM [9]

SALAM ILMU DAN SELAMAT BERJAYA! • 11/1/2008 9:44:42 AM [21]

EMPAT CATATAN DALAM SATU (5) • 10/21/2008 11:57:26 AM [54]

UNTAIAN PANTUN SASTERA DAN PEMIKIRAN • 10/16/2008 11:19:45 AM [72]

EMPAT CATATAN DALAM SATU (4) • 10/7/2008 1:06:51 PM [128]

EMPAT CATATAN DALAM SATU (3) • 9/22/2008 11:41:09 AM [97]

EMPAT CATATAN DALAM SATU (2) • 9/18/2008 11:32:29 AM [129]

EMPAT CATATAN DALAM SATU (1) • 9/8/2008 11:54:51 PM [190]

KEMERDEKAAN DAN RAMADHAN 1429H • 8/30/2008 1:16:48 PM [180]

NOSTALGIA 2 DAN UJIAN-NYA... • 8/5/2008 12:59:05 PM [181]

MEMIKIRKAN NASIB BANGSA MELAYU & BERSYUKUR KITA • 7/24/2008 10:57:21 AM [158]

AL-KISAH BERDEBATLAH MEREKA DAN ... • 7/20/2008 12:05:14 PM [68]

DUNIA SASTERA DAN PEMIKIRAN MELAYU • 7/7/2008 1:21:52 PM [152]

BERSAMA GURU BESAR DAN NOSTALGIA BINJAL... • 7/3/2008 3:19:51 PM [23]

BERSATULAH MELAYU ATAS NAMA ISLAM • 6/19/2008 3:08:48 PM [37]


SUKARNYA KITA BERFIKIRAN TERBUKA • 6/11/2008 2:12:00 PM [46]

BERFIKIRAN MENGAYAKAN HATI • 6/9/2008 10:10:27 AM [40]


PEMIKIRAN KARUT MARUT • 6/5/2008 10:14:23 AM [40]

GURU BESAR DAN DUNIA PEMIKIRAN MELAYU • 5/29/2008 10:56:08 AM [53]


INDAH DAN HALUSNYA ADAT MELAYU • 5/26/2008 5:47:43 PM [10]



- BILA ORANG MELAYU KELUAR UMNO & KARYA SASTERA...? • 5/22/2008 9:26:52 AM [14]
- DUHAI IBUKU DAN GURUKU... • 5/17/2008 11:17:08 AM [16]
- “YA CIKGU, SAYA MESTI PANDAI MEMBACA.” • 5/15/2008 5:55:23 PM [11]
- NOSTALGIA DI KERTEH (1) • 5/12/2008 1:47:00 PM [6]
- MENYINARI MASA DEPAN ANAK-ANAK KITA DI KAMPUNG • 5/8/2008 1:49:39 PM [4]
- CINTA SI TUKANG KASUT • 5/5/2008 11:18:22 AM [11]
- PEPERIKSAAN & KEJAYAAN... • 4/30/2008 4:31:56 PM [8]
- KEMANDULAN BAHASA MELAYU? & CAKAP-CAKAP Q 2008. • 4/24/2008 11:03:04 AM [3]
- OH, BAHASA MELAYUKU! • 4/15/2008 5:44:23 PM [9]
- ISLAM DIHINA LAGI. AWAS SI KEPARAT ITU... • 4/8/2008 12:00:57 PM [5]
- DARI KEDAI BUKU, MELERET-LERET KE ISU SASTERA MELA • 3/29/2008 1:08:19 PM [13]
- KETAM MELAYU MENYURUHKAN ANAKNYA KETAM MELAYU BERJ • 3/24/2008 10:24:33 AM [16]
- AGENDA KITA YANG MASIH BELUM SELESAI LAGI... • 3/17/2008 2:11:37 PM [9]
- APA-APA PUN KEPUTUSAN, KITA TERIMA... • 3/12/2008 4:43:59 PM [3]
- ANGIN PERUBAHAN POLITIK MALAYSIA... • 3/9/2008 2:02:57 PM [3]
- MACAM-MACAM DALAM POLITIK • 3/6/2008 11:43:46 AM [2]
- ISU, ISU...KEMPEN, KEMPEN... • 3/3/2008 10:46:29 AM [7]
- APA YANG DICARI OLEH SANG POLITIKUS? • 2/28/2008 9:57:51 AM [2]
- MEMBIARKAN ILHAM BERLALU... • 2/23/2008 12:28:17 PM [6]
- NYANYIAN POLITIK OH POLITIK... • 2/20/2008 7:37:19 PM [4]
- ILHAM OH ILHAM... • 2/17/2008 7:10:09 PM [6]
- INDAHNYA DALAM ALAM PERCINTAAN • 2/16/2008 6:26:15 PM [7]
- BERFIKIR DAN MENERIMA IDEA UNTUK BERUBAH • 2/14/2008 5:50:45 PM [4]



- MESYUARAT DEMI MESYUARAT, AKHIRNYA... •
2/13/2008 10:42:51 AM [4]
- FALASI HUJAH BERBELIT-BELIT • 2/12/2008 9:54:16
AM [2]
- FALASI KETIADAAN BUKTI • 2/6/2008 12:24:35 PM
[8]
- PERNYATAAN TIDAK BENAR DAN BEREMOSI •
2/4/2008 3:18:47 PM [11]
- BUNGKUSAN CINTA 2 DAN 3 FEBRUARI • 2/2/2008
12:01:33 PM [10]
- ADIK SHARLINIE OH ADIK SHARLINIE... • 1/31/2008
11:49:10 AM [1]
- KEHILANGAN MEMBENIHKAN KERINDUAN •
1/29/2008 1:45:20 PM [6]
- INDAHNYA HIDUP MENYENTUH WARNA CINTA. •
1/26/2008 2:08:48 PM [7]
- HADIAH SANGKAR BESAR KUCING. • 1/23/2008
2:34:40 PM [10]
- JALUR KEJUJURAN KAWAN-KAWAN. • 1/21/2008
9:44:33 AM [8]
- UNDANG-UNDANG KERA DI RIMBA • 1/17/2008
2:21:55 PM [7]
- BERKAYUH BASIKAL DARI PASARAYA KE RUMAH. •
1/16/2008 4:36:05 PM [7]
- SYABAS e-SASTERA! • 1/14/2008 11:53:50 AM [12]
- BERSYUKUR KERANA BELUM DIUJI API-MU. •
1/13/2008 12:36:14 PM [0]
- KITA BERBEZA TAPI SAMA... • 1/12/2008 1:59:49 PM
[7]
- HIJRAH DAN PENGORBANAN: PENGHAYATAN ISLAM.
• 1/9/2008 2:29:08 PM [2]
- BERAT HATI MELEPASKAN ANAK TAPI DEMI.... •
1/8/2008 11:58:05 AM [6]
- BERSOLAT MAGHRIB DI MAAHAD TAHFIZ... •
1/7/2008 11:00:52 AM [4]
- SEGALANYA BERES DAN SELAMAT BERTEMU
PELAJAR.... • 1/6/2008 11:47:52 AM [5]
- PERPUSTAKAAN AZMI RAHMAN. • 1/5/2008 12:27:15
PM [8]
- YANG MISTERI, YANG MAHA BERKUASA.... •
1/3/2008 5:17:10 PM [4]
- DALAM DIAM, KITA BEKERJA...HEBATNYA eSASTERA...
• 1/2/2008 11:46:55 AM [7]
- PENCAPAIAN PRESTASI KITA YANG LALU... • 1/1/2008
11:04:53 AM [1]



HARI TERAKHIR 2007. KAMI BERPISAH... •
12/31/2007 6:04:23 PM [7]

SETELAH SEKIAN LAMA JADI PEMERHATI... •
12/31/2007 12:18:45 AM [8]

Hakcipta © 2005 eSastera Enterprise • Kemaskini terakhir 7/13/2010 11:31:06 AM • Bilangan
pelawat 49981

LAMPIRAN PANTUN KARYA AZMIRAHMAN di eSastera.com/pantun

PANTUN PERIBAHASA (3)

oleh azmi rahman pada 6/30/2010 11:56:29 PM • 1 mesej

📁2010 (Januari - Jun)

• **PANTUN MEREHATKAN DIRI**

oleh azmi rahman pada 6/29/2010 9:04:50 PM • 2 mesej

📁2010 (Januari - Jun)

• **LASTIK KAYU TAGAN BATU**

oleh TabirAlam pada 6/22/2010 12:27:56 AM • 2 mesej

📁2010 (Januari - Jun)

• **PANTUN PERIBAHASA (2)**

oleh azmi rahman pada 6/19/2010 12:37:01 AM • 4 mesej

📁2010 (Januari - Jun)

• **PANTUN KASIH KEPADA GADIS**

oleh Dahna pada 6/16/2010 10:44:42 PM • 4 mesej

📁2010 (Januari - Jun)

• **PANTUN PIALA DUNIA 2010**

oleh azmi rahman pada 6/14/2010 1:57:15 PM • 4 mesej

📁2010 (Januari - Jun)

• **PANTUN SI PENJAHAT**

oleh azmi rahman pada 6/6/2010 9:33:44 PM • 2 mesej

📁2010 (Januari - Jun)

• **PANTUN PERIBAHASA**

oleh azmi rahman pada 6/3/2010 5:01:58 PM • 2 mesej

📁2010 (Januari - Jun)

• **PANTUN BERKAIT BAB ILMU**

oleh azmi rahman pada 4/7/2010 11:45:37 PM • 2 mesej

📁2010 (Januari - Jun)



- **PANTUN BERKAIT: SENI BUDAYA PUSAKA BANGSA**
oleh ria asmira pada 3/10/2010 11:26:16 PM • 2 mesej
📁2010 (Januari - Jun)
- **Cantik Bahasa Indah Budinya**
oleh mokhtarahman pada 2/26/2010 6:14:05 PM • 5 mesej
📁2010 (Januari - Jun)
- **PANTUN MUSIM HUJAN**
oleh azmi rahman pada 11/11/2009 3:30:37 PM • 3 mesej
📁2009
- **PANTUN AIDILFITRI**
oleh azmi rahman pada 9/15/2009 3:03:45 PM • 5 mesej
📁2009
- **PANTUN DUA KERAT (3)**
oleh azmi rahman pada 8/6/2009 9:47:05 AM • 6 mesej
📁2009
- **Relalah Aku Akan TakdirNya**
oleh mawarberduri pada 7/17/2009 4:03:29 PM • 3 mesej
📁2009
- **PANTUN DUA KERAT (2)**
oleh azmi rahman pada 7/7/2009 2:22:03 PM • 2 mesej
📁2009
- **PANTUN JENAKA**
oleh azmi rahman pada 6/23/2009 2:19:40 PM • 3 mesej
📁2009
- **Menurap Kasih**
oleh Teratai pada 6/15/2009 9:42:25 AM • 10 mesej
📁2009
- **PANTUN BERKAIT BAB DISIPLIN SEKOLAH**
oleh azmi rahman pada 6/9/2009 12:58:32 PM • 3 mesej
📁2009
- **PANTUN BERKAIT BUAH-BUAHAN TEMPATAN**
oleh azmi rahman pada 6/7/2009 1:59:07 PM • 1 mesej
📁2009
- **Lambang**
oleh aliffmustakim pada 5/30/2009 3:06:30 PM • 5 mesej
📁2009



- **PANTUN BERKAIT PERPADUAN RAKYAT**
oleh azmi rahman pada 5/25/2009 11:01:28 AM • 3 mesej
2009
- **Pantun selidah wali**
oleh anbakri pada 5/18/2009 10:36:01 PM • 2 mesej
2009
- **4 PANTUN BUDAYA (4)**
oleh ria asmira pada 5/15/2009 11:08:13 PM • 12 mesej
2008
- **PANTUN BERKAIT IBU ADALAH SEGALA-GALANYA**
oleh azmi rahman pada 5/10/2009 11:48:15 AM • 5 mesej
2009
- **MENEMPA WAWASAN GEMILANG MALAYSIAKU**
oleh ruhie isma pada 3/10/2009 12:40:46 PM • 3 mesej
2009
- **PANTUN BERKAIT PASCA-HESCOM 08**
oleh azmi rahman pada 1/1/2009 10:27:39 AM • 7 mesej
2009
- **Ikhtiar**
oleh has1mah pada 10/1/2006 9:51:15 AM • 16 mesej
2006
- **Siksa menanti**
oleh anbakri pada 4/9/2006 11:19:49 PM • 10 mesej
2006

SONETA KARYA AZMIRAHMAN di eSastera.com/soneta

SONETA 13: SENDIRIAN DALAM PENANTIAN

oleh azmi rahman pada 7/6/2010 9:12:24 PM • 5 mesej
2010

- **SONETA 12: BERBISIK KEPADA KEKASIH**
oleh azmi rahman pada 6/30/2010 5:43:06 PM • 5 mesej
2010
- **PERGINYA SEORANG TEMAN**
oleh mokhtarahman pada 6/30/2010 9:31:12 AM • 6 mesej
2010



Seminar Kebangsaan
Teknologi Maklumat
Di Perpustakaan
3 - 5 Ogos 2010




- **SONETA 11: ZIKIR MALAM**
oleh azmi rahman pada 6/28/2010 10:55:06 PM • 7 mesej
2010
- **Soneta Si Syaitan Durjana Penggoda**
oleh KRIEY pada 6/28/2010 5:38:29 PM • 2 mesej
2010
- **SONETA 10: PERIBAHASA SUARA BURUNG (i)**
oleh azmi rahman pada 6/24/2010 11:31:42 PM • 4 mesej
2010
- **SONETA 9 : KASIH BUNGA**
oleh azmi rahman pada 6/21/2010 11:09:37 PM • 6 mesej
2010
- **SONETA 8: DI LANGIT CINTA**
oleh azmi rahman pada 5/29/2010 2:04:35 PM • 6 mesej
2010
- **SONETA ; Penungguan dan Penantian**
oleh KRIEY pada 5/26/2010 7:24:38 AM • 5 mesej
2010
- **SONETA 7 : BERBISIK KEPADA HUJAN***
oleh azmi rahman pada 5/17/2010 11:37:06 PM • 6 mesej
2010
- **SONETA 6 : KEMBARA MENCARI DIRI**
oleh azmi rahman pada 5/9/2010 6:33:44 PM • 6 mesej
2010
- **SONETA: BERSIMPUPH RINDU INI**
oleh S. FATIMAH pada 5/7/2010 1:35:28 AM • 8 mesej
2010
- **SONETA E-SASTERA**
oleh mokhtarahman pada 5/6/2010 6:39:43 PM • 5 mesej
2010
- **SONETA SEMARAK JIHAD**
oleh KRIEY pada 5/3/2010 9:01:07 PM • 2 mesej
2010
- **BILA ENKAU DAN AKU BERPISAH**
oleh KRIEY pada 4/26/2010 8:13:37 PM • 3 mesej
2010



Seminar Kebangsaan
Teknologi Maklumat
Di Perpustakaan
3 - 5 Ogos 2010



- **Di Meja Itu, Kerusi Ini**
oleh KRIEY pada 4/25/2010 8:56:06 PM • 3 mesej
2010
- **Pagi Segar, di Rumpun Setaman**
oleh MokhtarSahMalik pada 4/20/2010 3:03:13 AM • 5 mesej
2010
- **Soneta Bila Dia Sudah Lupa (2)**
oleh KRIEY pada 4/18/2010 4:47:32 PM • 3 mesej
2010
- **SONETA 5 : BERBISIK PADA CINTA**
oleh azmi rahman pada 4/12/2010 11:11:09 PM • 8 mesej
2010
- **BAHASA ADAT**
oleh mokhtarahman pada 4/7/2010 6:15:32 PM • 8 mesej
2010
- **SONETA 4 : DOA TIDAK TERHENTI**
oleh azmi rahman pada 4/7/2010 8:24:26 AM • 2 mesej
2010
- **SONETA 3 : BERBISIK PADA KEMARAU**
oleh azmi rahman pada 4/1/2010 10:05:35 AM • 4 mesej
2010
- **SONETA 2 : MALAM MENGHADIAHKAN RINDU**
oleh azmi rahman pada 3/31/2010 1:47:49 PM • 4 mesej
2010
- **SONETA 1: AKAR BUDI**
oleh azmi rahman pada 3/31/2010 1:20:52 AM • 5 mesej
2010
- **SONETA CERITA KULIAH DUNIA**
oleh KRIEY pada 3/23/2010 9:40:31 PM • 6 mesej
2010
- **Jejak Rezeki**
oleh mokhtarahman pada 3/16/2010 12:50:29 AM • 8 mesej
2010
- **SONETA PENGEMBARAAN CINTA**
oleh KRIEY pada 3/14/2010 6:05:19 PM • 14 mesej
2010